



**AKTA KESELAMATAN SOSIAL SURI RUMAH 2022
DI BAWAH SKIM PERLINDUNGAN
PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL**

SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQ)

1. SIAPAKAH YANG DIMAKSUDKAN SEBAGAI SURI RUMAH?

Perempuan berkahwin atau belum, menguruskan rumah tangga sepenuh masa atau tidak, termasuk –

- a. isteri, janda, balu yang perkahwinan didaftarkan; dan
- b. ibu kepada seorang anak atau lebih termasuk ibu tunggal

2. ADAKAH AKTA KESELAMATAN SOSIAL SURI RUMAH [AKTA 838] INI MANDATORI KEPADA SURI RUMAH?

Buat masa ini opsyen penyertaan adalah secara suka rela kepada semua suri rumah.

3. APAKAH MAKSUD AKTIVITI “MENGURUSKAN RUMAH TANGGA”?

Aktiviti pengurusan rumah tangga merupakan aktiviti rutin seharian yang dijalankan oleh suri rumah dalam menguruskan rumah tangganya termasuk ahli keluarganya. Cth: menyediakan makanan, pergi ke pasar, menghantar anak ke sekolah dan lain-lain.

4. APAKAH HAD UMUR BAGI TUJUAN BAYARAN CARUMAN?

Had umur bayaran caruman adalah sehingga suri rumah mencapai umur 55 tahun. Bagi suri rumah yang tidak pernah mencarum di bawah skim ini, had umur untuk kali pertama mencarum adalah sebelum mencapai umur 54 tahun.

5. BERAPAKAH KADAR CARUMAN YANG DIKENAKAN?

Caruman adalah sebanyak RM120 setahun bagi seorang suri rumah secara “in advance” atau “pre-paid” bagi tempoh 12 bulan berturut-turut untuk memastikan mereka memenuhi syarat kelayakan menerima faedah.

6. BAGAIMANA PEMBAYARAN CARUMAN BOLEH DILAKUKAN?

Pembayaran caruman SKSSR boleh dibuat melalui saluran berikut:

- a. Portal suri.perkeso.gov.my (bayaran secara FPX)
- b. Bayaran di kaunter PERKESO dengan melengkapkan Borang Pendaftaran SR 1.

7. SIAPAKAH PIHAK YANG BOLEH MEMBAYAR CARUMAN SURI RUMAH?

Caruman boleh dibayar oleh:

- a. Suami suri rumah jika suaminya memilih untuk membayar caruman; atau
- b. Dibayar oleh suri rumah sendiri jika suami tidak memilih membayar caruman, atau jika suri rumah itu tidak mempunyai suami; atau
- c. Mana-mana orang lain juga boleh membayar caruman berkenaan. Cth: abang, bapa atau agensi bukan kerajaan (NGO).

8. ADAKAH SURI RUMAH PERLU MENDAPATKAN KEIZINAN SUAMI TERLEBIH DAHULU UNTUK MEMBAYAR CARUMAN SURI RUMAH TERSEBUT?

Ya. Suri rumah yang memilih suami untuk membayar caruman bagi pihak dirinya hendaklah mendapat keizinan dari suaminya terlebih dahulu semasa pendaftaran caruman suri rumah.

9. ADAKAH SUAMI BOLEH MEMBAYAR CARUMAN BAGI PIHAK ISTERINYA?

Boleh. Walaubagaimanapun, suami yang memilih untuk membayar caruman bagi pihak isterinya, konsep “once in always in” akan terpakai. Ini adalah bagi memastikan perlindungan adalah berterusan.

10. BOLEHKAH SUAMI YANG TELAH MEMILIH UNTUK MEMBAYAR CARUMAN ISTERINYA TIDAK MENERUSKAN PEMBAYARAN CARUMAN SURI RUMAH SETERUSNYA?

Tidak boleh. Suami yang telah memilih untuk membayar caruman bagi pihak isterinya konsep “once in always in” akan terus terpakai kepadanya. Walau bagaimanapun suami boleh memilih untuk tidak meneruskan pembayaran dalam situasi berikut:

- a) Bercerai; atau
- b) Tidak berupaya untuk membayar caruman kerana kehilangan pendapatan.

Suami itu hendaklah memaklumkan PERKESO 60 hari sebelum tamat tempoh caruman dengan melengkapkan Borang SR 5 - Notis Ketidakupayaan Membayar Caruman Oleh Suami.

11. ADAKAH SURI RUMAH PERLU MENERUSKAN PEMBAYARAN CARUMAN BAGI PIHAK SUAMINYA?

Konsep “once in always in” adalah terbatal dan suri rumah mempunyai pilihan secara sukarela untuk meneruskan pembayaran caruman setelah tempoh caruman tersebut tamat.

12. APAKAH TINDAKAN YANG BOLEH DIKENAKAN KEPADA SUAMI YANG ENKGAR UNTUK MELAKSANAKAN BAYARAN CARUMAN SURI RUMAH?

Bagi suami yang telah memilih untuk membuat bayaran caruman suri rumah, tetapi engkar untuk melaksanakan bayaran caruman atau meneruskan pembayaran, jika disabitkan kesalahan, suami boleh didenda tidak melebihi

sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya.

13. SEKIRANYA SESEORANG SUAMI MEMPUNYAI LEBIH DARI SEORANG ISTERI DAN SUAMI HANYA MEMBAYAR UNTUK SEORANG ISTERI, ADAKAH SUAMI BOLEH DIKENAKAN TINDAKAN KERANA TIDAK MENCARUM UNTUK ISTERI YANG LAIN

Tidak, suami tidak akan dikenakan tindakan undang-undang melainkan dia telah memilih untuk mencarum bagi isteri yang lain.

14. JIKA SUAMI BERSETUJU MEMBAYAR CARUMAN ISTERINYA, BERAPA LAMA BAYARAN PERLU DILAKUKAN KEPADA PERTUBUHAN?

Jika suami telah memilih untuk membayar caruman isterinya, bayaran caruman hendaklah dibuat dalam masa 30 hari dari tarikh pilihan dibuat. Tempoh caruman dan perlindungan hanya akan bermula pada tarikh dan waktu caruman dibuat oleh suami tersebut.

15. JIKA WUJUD CARUMAN TERSALAH BAYAR, ADAKAH BOLEH DITUNTUT KEMBALI ATAU TIDAK?

Semua caruman yang telah dibayar tidak boleh dibayar balik. Walau bagaimanapun jika caruman tersalah bayar disebabkan akta tidak terpakai ke atasnya, PERKESO boleh membayar balik caruman tersebut jika bayaran balik itu dituntut dalam tempoh 90 hari dalam Borang SR 2. Contoh: caruman melebihi umur 54 tahun bagi bayaran caruman kali pertama atau suri rumah berstatus penduduk sementara.

16. ADAKAH KAKITANGAN WANITA PENJAWAT AWAM, BADAN BERKANUN YANG TIDAK DILIPUTI OLEH AKTA PERKESO SEBELUM INI LAYAK MENCARUM DI BAWAH AKTA SKSSR?

Ya. Kakitangan wanita penjawat awam dan badan berkanun yang memenuhi maksud tafsiran suri rumah layak mencarum dan dilindungi di bawah Akta SKSSR.

17. BOLEHKAH SURI RUMAH MENCARUM UNTUK BEBERAPA SKIM PERKESO PADA SATU-SATU MASA?

Boleh kerana liputan Akta-Akta tersebut memberikan perlindungan yang berbeza.

18. ADAKAH SURI RUMAH YANG TELAH SEDIA MENGHIDAPI PENYAKIT LAYAK MENCARUM DI BAWAH AKTA SKSSR?

Seorang wanita yang memenuhi takrifan suri rumah adalah layak mencarum dibawah SKSSR walaupun telah sedia ada menghadapi penyakit. Walau bagaimanapun kelayakan suri rumah untuk menerima elaun keuzuran adalah tertakluk kepada tarikh dia menjadi ilat yang ditentukan oleh Penilai Perubatan dan tarikh dia menjadi ilat itu berada di dalam tempoh perlindungan.

19. APAKAH PERLINDUNGAN YANG DISEDIAKAN DI BAWAH AKTA BAHARU INI?

Akta baharu ini menyediakan dua jenis perlindungan iaitu –

- a) Bencana Domestik iaitu kejadian sehingga menyebabkan hilang upaya kekal untuk melakukan apa-apa aktiviti sebagai seorang suri rumah atau sehingga menyebabkan kematian
- b) Keilatan iaitu penyakit atau keuzuran tertentu sehingga tidak mampu untuk melakukan sebahagian besar atau sepenuhnya aktiviti sebagai suri rumah atau sehingga menyebabkan kematian.

20. APAKAH TAKRIFAN BENCANA DOMESTIK DI BAWAH AKTA SKSSR?

“Bencana domestik” ertinya kecederaan diri pada suri rumah berinsurans yang disebabkan oleh suatu kejadian berakibat daripada dan semasa menguruskan rumah tangganya termasuklah ahli keluarganya dan bukan bagi apa-apa perusahaan, perdagangan, perniagaan atau profesion yang dijalankan olehnya.

21. ADAKAH SURI RUMAH LAYAK MEMBUAT TUNTUTAN BENCANA DOMESTIK JIKA KEMALANGAN BERLAKU DI LUAR NEGARA?

Tidak. Perlindungan Bencana Domestik hanya meliputi kemalangan semasa menguruskan rumah tangga yang berlaku di dalam Malaysia sahaja.

22. APAKAH TEMPOH MASA SURI RUMAH DILINDUNGI DARIPADA SEBARANG KEMALANGAN ATAU KEJADIAN SEMASA MENGURUSKAN RUMAH TANGGA SETELAH MEMBUAT BAYARAN CARUMAN?

Suri rumah akan dilindungi di bawah bencana domestik selama 12 bulan sebaik sahaja caruman dibayar. Faedah-faedah di bawah bencana domestik akan diberikan sebagaimana kelayakan.

23. APAKAH FAEDAH-FAEDAH YANG DISEDIAKAN BAGI PERLINDUNGAN BENCANA DOMESTIK?

BIL	JENIS FAEDAH	KADAR DAN TEMPOH
(1)	FAEDAH HILANG UPAYA KEKAL	Bayaran pukal sehingga RM30,000 mengikut jenis kecederaan
(2)	PENCEN PENAKAT	Bayaran RM300 sebulan sehingga duda berumur 55 tahun, meninggal dunia/berkahwin semula, yang mana lebih awal dan anak sehingga umur 21 tahun. Jika tiada duda/anak, bayaran kepada ibu bapa sehingga umur 55 tahun/meninggal dunia, yang mana lebih awal.
(3)	FAEDAH PENGURUSAN MAYAT	RM2,000 sekali sahaja
(4)	ELAUN LAYANAN SENTIASA	RM250 sebulan sehingga umur SR 55 tahun atau meninggal dunia, yang mana lebih awal
(5)	KEMUDAHAN JASMANI	Pembiayaan sehingga RM50,000 dan rawatan dialysis sehingga RM200 sebulan atau mengikut Akta Fi 1951, mengikut yang terendah
(6)	FAEDAH PERUBATAN	Berdasarkan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 [Akta 4]

24. APAKAH TAKRIFAN KEILATAN DI BAWAH AKTA SKSSR?

Seseorang suri rumah dianggap sebagai menghidap keilatan, jika oleh sebab suatu keadaan keuzuran tertentu yang berkekalan, dia tidak berupaya mengambil bahagian dalam apa-apa sebahagian besar aktiviti seorang suri rumah tertakluk kepada syarat kelayakan.

25. APAKAH TEMPOH PERLINDUNGAN BAGI KEILATAN?

Berdasarkan bilangan caruman dibayar secara prabayar seperti berikut:

- a. 20 bulan perlindungan jika 12 bulan caruman prabayar; atau
- b. 40 bulan perlindungan jika 24 bulan caruman prabayar; atau
- c. 2/3 bilangan caruman sejak pertama kali mencarum, dengan syarat caruman minimum 24 bulan

26. APAKAH FAEDAH-FAEDAH YANG DISEDIAKAN BAGI PERLINDUNGAN KEILATAN?

BIL	JENIS FAEDAH	KADAR DAN TEMPOH
(1)	ELAUN KEUZURAN	RM300 sebulan sehingga umur suri rumah 55 tahun atau meninggal dunia, yang mana lebih awal
(2)	PENCEN PENAKAT	Bayaran RM300 sebulan sehingga duda berumur 55 tahun, meninggal dunia/berkahwin semula, yang mana lebih awal dan anak sehingga umur 21 tahun. Jika tiada duda/anak, bayaran kepada ibu bapa sehingga umur 55 tahun/meninggal dunia, yang mana lebih awal.
(3)	FAEDAH PENGURUSAN MAYAT	RM2,000 sekali sahaja
(4)	ELAUN LAYANAN SENTIASA	RM250 sebulan sehingga umur SR 55 tahun atau meninggal dunia, yang mana lebih awal
(5)	KEMUDAHAN JASMANI	Pembiayaan sehingga RM50,000 dan rawatan dialysis sehingga RM200 sebulan atau mengikut Akta Fi 1951, mengikut yang terendah

27. BAGAIMANA UNTUK MEMBUAT PERMOHONAN TUNTUTAN FAEDAH DIBAWAH SKSSR?

Permohonan tuntutan faedah SKSSR boleh dibuat dengan melengkapkan Borang SR6 – Borang Tuntutan Faedah Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah dan dikemukakan bersama dokumen sokongan yang diperlukan. Borang berkenaan boleh di muat turun daripada laman web PERKESO atau dari kaunter Pejabat PERKESO berhampiran. Borang SR6 digunakan untuk membuat tuntutan faedah rawatan perubatan atau faedah hilangupaya kekal dibawah Bencana Domestik, Notis Keilatan dan Tuntutan Kematian.

28. SEKIRANYA SURI RUMAH MELAKUKAN KEGIATAN MENYALAHU UNDANG-UNDANG, ADAKAH SURI RUMAH TERSEBUT MASIH LAYAK MENERIMA FAEDAH DI BAWAH AKTA INI

Jika PERKESO berpuashati bahawa suatu kejadian berlaku terhadap suri rumah berinsurans semasa dia bersedia, bersubahat, terlibat / melakukan perbuatan menyalahi undang-undang, suri rumah tersebut tidak layak menerima apa-apa faedah di bawah Akta ini.

29. SIAPAKAH ORANG TANGGUNGAN YANG LAYAK DI BAWAH AKTA SKSSR?

- i. Duda warganegara dan anak, atau
- ii. Ibu bapa warganegara jika tiada duda atau anak.

30. SEKIRANYA ORANG TANGGUNGAN DIDAPATI MELAKUKAN KEGANASAN RUMAH TANGGA HINGGA MENYEBABKAN KEMATIAN, ADAKAH ORANG TANGGUNGAN TERSEBUT MASIH LAYAK MENDAPAT FAEDAH DI BAWAH AKTA INI?

Sekiranya PERKESO mempunyai alasan munasabah mempercayai bahawa suri rumah mati akibat keganasan rumah tangga yang dilakukan oleh orang tanggungan, orang tanggungan itu tidak berhak kepada apa-apa faedah di bawah Akta.

31. MENGAPA HANYA DUDA DAN IBU BAPA YANG BERTARAF WARGANEGARA MALAYSIA SAHAJA LAYAK UNTUK MENDAPAT FAEDAH DARI AKTA BAHARU INI?

Bagi tujuan permulaan pelaksanaan skim ini, hanya duda dan ibu bapa warganegara Malaysia sahaja yang layak mendapat faedah bagi menjamin sosioekonomi rakyat Malaysia. Walau bagaimanapun, anak tanpa status dan kewarganegaraan adalah layak untuk menerima faedah di bawah Akta ini.

32. APAKAH HAD UMUR BAYARAN SYER ANAK JIKA MASIH BELAJAR?

Syer anak bagi Pencen Penakat akan dibayar sehingga anak tersebut mencapai umur 21 tahun atau berkahwin atau meninggal dunia mengikut mana yang lebih awal. Walau bagaimanapun anak yang sedang menerima pendidikan dalam mana-mana institusi pendidikan tinggi tetapi tidak melebihi ijazah pertama, syer anak tersebut akan dibayar sehingga dia tamat atau berhenti menerima pendidikan tersebut atau sehingga dia berkahwin, mengikut mana-mana lebih awal.

33. SEHINGGA UMUR BERAPAKAH SYER ANAK OKU DIBAYAR BAGI PENCEN PENAKAT?

Syer anak OKU bagi Pencen Penakat dibayar selagi dia tidak berupaya atau sehingga umur 55 tahun mengikut mana-mana lebih awal.

34. JIKA SURI RUMAH MENCARUM LEBIH DARIPADA SATU SKIM PERKESO PADA SATU-SATU MASA, ADAKAH SURI RUMAH TERSEBUT DAN ORANG TANGGUNGANNYA LAYAK MENERIMA KESEMUA FAEDAH DI BAWAH SKIM YANG BERBEZA?

Suri rumah tersebut dan orang tanggungannya hanya berhak menerima satu faedah sahaja berkenaan dengan hilang upaya kekal atau keilangan yang sama walaupun suri rumah itu mencarum lebih daripada satu skim PERKESO.

35. BOLEHKAH SURI RUMAH TERUS MENCARUM SEKIRANYA SUDAH DISAHKAN ILAT DAN MENDAPAT MANFAAT SKIM KEILATAN?

Boleh kerana suri rumah tersebut akan dilindungi untuk Bencana Domestik untuk apa-apa kejadian semasa menguruskan rumah tangganya.

36. SIAPAKAH YANG AKAN MENILAI BAGI HILANG UPAYA KEMALANGAN DOMESTIK DAN KEILATAN SKSSR?

Apa-apa penentuan peratus taksiran hilangupaya kekal atau keputusan keilatan dibuat oleh Penilai Perubatan atau jika ada rayuan, penilaian oleh Jemaah Doktor Rayuan.

37. ADAKAH SURI RUMAH MASIH BOLEH MEMBUAT TUNTUTAN DARIPADA SYARIKAT INSURANS SWASTA SEKIRANYA MEMPUNYAI PERLINDUNGAN PERKESO?

Suri rumah berinsurans masih boleh meneruskan tuntutan perlindungan insurans swasta walaupun mempunyai perlindungan di bawah Akta Keselamatan Sosial Rumah Tangga.

38. JIKA PERKESO MENOLAK TUNTUTAN, APAKAH SALURAN RAYUAN SETERUSNYA OLEH SURI RUMAH?

Jika PERKESO menolak tuntutan faedah SKSSR, suri rumah boleh mengemukakan rayuan kepada Tribunal Keselamatan Sosial Suri Rumah dalam tempoh 3 tahun dari tarikh tuntutan ditolak oleh PERKESO.